

# IRON TABLET

## Ferrous Fumarate (200mg)

### Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Iron Tablet 200mg
2. Bagaimana Iron Tablet 200mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Iron Tablet 200mg
4. Cara Pengambilan Iron Tablet 200mg
5. Semasa Pengambilan Iron Tablet 200mg
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Iron Tablet 200mg
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

### Apakah kegunaan Iron Tablet 200mg

Iron Tablet 200mg mengandungi sejenis zat besi yang dinamakan *ferrous fumarate*. Badan anda memerlukan zat besi bagi pembentukan sel darah merah. Kekurangan zat besi akan menyebabkan penurunan jumlah sel darah merah dalam badan dan mengakibatkan anemia kurang zat besi.

Iron Tablet 200mg digunakan bagi mencegah dan merawat kekurangan zat besi yang disebabkan oleh:

- Zat besi yang tidak mencukupi dalam diet
- Penyerapan zat besi yang lemah
- Anemia kekurangan zat besi sewaktu kehamilan
- Jangkitan parasit
- Kehilangan darah

### Bagaimana Iron Tablet 200mg Berfungsi

Zat besi, dalam bentuk *ferrous fumarate*, terlibat dalam pembentukan dan fungsi sel darah merah.

### Sebelum mengambil Iron Tablet 200mg

#### -Bila ubat ini tidak boleh diambil

Anda dilarang mengambil Iron Tablet 200mg dan mesti rujuk doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda sensitif/alah terhadap *ferrous fumarate* atau bahan lain yang terkandung dalam tablet ini
- Terdapat terlampau banyak pembentukan zat besi dalam badan anda (Hemokromatosis, Hemosiderosis)
- Keadaan anemia anda bukan disebabkan oleh kekurangan zat besi
- Anda masih menjalani transfusi darah yang berulang

### Kehamilan dan Menyusu

Iron Tablet 200mg boleh diambil sewaktu kehamilan. Walaubagaimanapun, jika anda hamil, menyusukan anak atau merancang untuk hamil, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

#### - Sebelum pengambilan ubat ini

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami keadaan seperti:

- Anda baru sahaja mengalami ulser perut atau duodenum
- Anda mengalami kolitis berulser atau radang usus yang lain
- Radang hati
- Penyakit ginjal berjangkit akut
- Masalah keradangan saluran usus seperti *enteritis, colitis, diverticulitis* dan kolitis ulseratif
- Ulser usus
- Peradangan abdomen
- *Rheumatoid Arthritis* (Penyakit yang menyebabkan sakit sendi)

#### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat lain, termasuk yang tidak mempunyai preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau dari sumber lain.

Iron Tablet 200mg boleh mengganggu pengambilan ubat-ubat lain. Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat berikut:

- Oral Tetracyclines (Antibiotik)
- Vitamin E
- Acetohydroxamic acid (Ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan saluran kencing)
- Antacid, mengandungi karbonat atau magnesium; Kopi, telur; makanan; Produk tenusu dan susu; teh atau roti bergandum penuh dan bijirin
- Pancreatin or pancrelipase (Enzim pencernaan)
- Penicillamine (Ubat anti-reumatik yang digunakan untuk merawat individu dengan aktif Rheumatoid Arthritis)
- Alkohol
- Suplemen Zink
- Fluoroquinolones

### Cara Pengambilan Iron Tablet 200mg

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda berkaitan pengambilan Iron Tablet 200mg. Jika anda musykil dengan arahan pada label, dapatkan penerangan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda dinasihati untuk tidak mengambil Iron Tablet 200mg ini bersama air kopi, air teh, telur, susu dan produk tenusu, roti bijirin penuh dan bijirin sarapan kerana ianya akan mengurangkan penyerapan zat besi. Cuba ambil Iron Tablet 200mg ini sama ada satu jam sebelum atau dua jam selepas anda makan makanan di atas. Ambil tablet ini dengan segelas air.

#### -Berapa banyak harus digunakan

Ikuti semua arahan doktor atau ahli farmasi anda. Arahan mereka mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat pada risalah.

Jika anda musykil dengan arahan pada label, rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### Dewasa:

Untuk rawatan pencegahan penyakit – 200mg(1 Tablet) sekali sehari  
Terapeutik – 200mg(1 Tablet) tiga atau empat kali sehari. Dos boleh disesuaikan mengikut keperluan.

### Warga Emas:

Setengah warga emas memerlukan dos yang lebih daripada biasa kerana kelemahan penyerapan zat besi badan mereka akibat rembesan gastrik yang berkurangan.

#### -Bila ianya perlu diambil

Ambil sepertimana arahan doktor atau ahli farmasi anda. Walaupun penyerapan zat besi lebih baik jika diambil di antara dua waktu makan, kesan sampingan boleh dikurangkan jika ianya diambil bersama makanan atau sebaik sahaja makan.

#### -Berapa lama ianya boleh diambil

Ambil ubat ini selama mana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### -Jika terlupa mengambilnya

Makan dos tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk

pengambilan dos seterusnya, tunggu sahaja untuk pengambilan dos tersebut dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan gandakan dos bagi menggantikan pengambilan dos yang tertinggal.

-Jika terlebih dos

Tanda-tanda awal terlebih dos adalah termasuk seperti berikut:

- Cirit-birit, kadang-kadang mengandungi darah
- Mual yang teruk
- Sakit perut tajam atau kekejangan
- Muntah yang teruk, kadang-kadang mengandungi darah

Jika anda atau orang lain telah ambil terlebih dos, dapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan walaupun tanpa ada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

**Semasa Pengambilan Iron Tablet 200mg**

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya anda ingin mendapatkan rawatan perubatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor pergigian dan ahli farmasi yang anda sedang mengambil Iron Tablet 200mg.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda kehamilan sewaktu mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti ambil ubat ini kecuali atas nasihat doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berikan Iron Tablet 200mg kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom dan penyakit yang sama. Jangan ambil dos yang besar kecuali atas nasihat doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Pengguna yang pernah menghidapi penyakit-penyakit seperti ulser usus, penyempitan usus, masalah usus, pembedahan perut, kanak-kanak, kehamilan dan ibu yang menyusu perlu berhati-hati dalam menggunakan tablet ini.

**Kesan-kesan Sampingan**

Iron Tablet 200mg biasanya sesuai untuk kebanyakan pengguna. Namun, sepertimana ubat-ubat lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan seperti:

- Ketidakelesaan, cirit-birit dan muntah
- Pening
- Sakit dada
- Dengupan jantung yang pantas
- *Flushing*
- Sakit perut

Najis anda juga mungkin kelihatan lebih gelap selepas anda mengambil ubat ini. Keadaan ini biasa berlaku dengan semua ubat-ubatan yang mengandungi zat besi.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan yang lebih teruk atau kesan sampingan lain yang tidak tersenarai di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) ((Public→ Reporting ADR to Consumer Side Effect Reporting Form (ConSERF) or Reporting Adverse Drug Reactions (For Healthcare Professionals)).

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan Iron Tablet 200mg**

-Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan jauh dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan ubat-ubatan di tempat yang kering dan sejuk dan bersuhu di bawah 30°C. Jauhi dari cahaya.

Jangan simpan di dalam bilik mandi atau berdekatan sinki atau di ambang tingkap.

Jangan tinggalkan di dalam kereta pada hari bercuaca panas. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

-Rupa produk

Tablet berwarna coklat dan berbentuk bulat dwicembung, sekata sisinya.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Ferrous Fumarate 200mg*

Bahan tidak aktif

- *Docusate sodium*
- *Povidone*
- *Ethanol 96% v/v*
- *Shellac solution*
- *Talc powder*
- *Magnesium stearate*
- *Maize starch*
- *Sodium starch glycolate*

Nombor MAL:

MAL20020030XZ

**Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan Bakar Arang Industrial Estate 08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

26/04/2018

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)200318/00076